

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN TELEFON UOB (Berkuatkuasa mulai 15 Julai 2019)

Definisi

Terma-terma dan ungkapan-ungkapan yang digunakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini mempunyai maksudnya yang berikut:-

“ID Akses” bermaksud pengenalan diri yang menghubungkan Akaun anda kepada Perkhidmatan Perbankan Telefon.

“Akaun (-Akaun)” bermaksud mana-mana akaun yang dibuka atau diselenggara dengan kami termasuk, tetapi tidak terhad kepada akaun simpanan, semasa, kad kredit, pinjaman atau akaun-akaun lain yang boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

“Pemegang Akaun” atau **“anda”** bermaksud seorang pemegang Akaun berkenaan, sama ada secara tunggal atau bersama, yang mana satu terpakai dan hendaklah termasuk wakil diri mereka masing-masing.

“ATM” bermaksud mesin juruwang automatik Bank.

“Orang Dibenarkan” bermaksud seseorang (sama ada bersendirian atau bersesama dengan mana-mana orang atau orang-orang lain) yang dibenarkan oleh anda untuk memberi Arahan dan/atau mengendalikan Akaun.

“Hari Perniagaan” bermaksud mana-mana hari bank dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.

“Kumpulan” bermaksud cawangan, agensi, wakil, pegawai, syarikat bersekutu atau yang berkaitan dengan UOB, dan pegawai, pekerja atau ejen mereka masing-masing, sama ada di Malaysia atau di tempat lain.

“Arahan” bermaksud apa-apa arahan yang diberikan oleh anda atau Orang Dibenarkan anda kepada kami melalui telefon atau termasuk telefon mudah alih.

“Had” bermaksud amaun maksimum harian yang anda dibenarkan untuk bertransaksi daripada Akaun menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB atau amaun baki di dalam Akaun, yang mana yang lebih kurang.

“Proses Perundangan” boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa proses pemula termasuk writ saman dan saman pemula dan juga apa-apa bentuk proses pemula, pliding, permohonan interlokutori, affidavit, perintah, penghakiman dan apa-apa dokumen lain yang diperlukan untuk disampaikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan notis di bawah Akta Insolvensi 1967 dan Kanun Tanah Negara 1965.

“Data Peribadi” boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran perhubungan anda, maklumat yang diperolehi dari sistem keselamatan (termasuk rakaman imej anda dalam Television Litar Tertutup (CCTV), maklumat yang terkandung di dalam Akaun yang anda pegang sama ada secara berseorangan atau bersesama dengan mana-mana orang lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah langgani dengan kami (termasuk

Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB), sebarang Transaksi dan data penting lain berkaitan diri anda, Orang Dibenarkan dan transaksi anda dengan kami.

“**Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB**” bermaksud perkhidmatan perbankan telefon 24 jam yang disediakan oleh kami kepada anda yang membolehkan anda mengakses Akaun anda dan/atau menjalankan aktiviti perbankan dan/atau Transaksi lain melalui telefon atau telefon mudah alih.

“**TPIN**” bermaksud nombor pengenalan peribadi telefon yang diberikan kepada atau yang dipilih oleh anda untuk mengesahkan identiti anda atau indentiti Orang Dibenarkan anda untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB dan/atau untuk membenarkan suatu Transaksi.

“**Transaksi**” bermaksud semua transaksi yang dilaksanakan oleh anda yang menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

“**UOBM**”, “**kami**” bermaksud United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) dan termasuk semua pengganti hakmilik dan penerima serah haknya.

1. Terma-terma dan Syarat-Syarat

- 1.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini ("Terma-terma dan Syarat-syarat") mentadbir urus Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB kami dan adalah penting anda membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat ini sebelum menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB. Jika anda menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 1.2 Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat masing-masing yang mentadbir urus Akaun, yang boleh didapati di laman web kami di www.uob.com.my atau di mana-mana cawangan kami.
- 1.3 Jika ada percanggahan atau ketidaksejajaran di antara Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat masing-masing yang mentadbir urus Akaun, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai untuk perkara-perkara yang berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.
- 1.4 Rujukan kepada –
 - (a) bilangan tunggal adalah termasuk bilangan jamak, dan sebaliknya;
 - (b) jantina lelaki adalah termasuk jantina perempuan dan neutral, dan sebaliknya;
 - (c) seseorang termasuklah peguam, wasi dan pentadbir orang itu, dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengikat orang-orang tersebut; dan
 - (d) “termasuk” atau “contohnya” atau perkataan lain yang sama apabila memperkenalkan suatu contoh tidak menghadkan makna perkataan-perkataan untuk contoh-contoh tersebut.

2. Kelayakan

- 2.1 Anda mestilah seorang Pemegang Akaun berumur 18 tahun dan ke atas sebelum anda memohon menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

3. Permohonan untuk Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB

- 3.1 Sekiranya anda adalah seorang individu dan mempunyai Akaun, anda boleh memohon Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB melalui cara-cara berikut:-
- (a) melalui mana-mana ATM kami jika anda mempunyai Kad Debit atau Kad Kredit. Anda perlu memilih TPIN anda dan selepas kami meluluskan permohonan anda, anda akan diberi ID Akses yang dicetak pada resit ATM; atau
 - (b) melalui mana-mana cawangan kami, dengan mengisi dan mengemukakan borang permohonan yang lengkap. Selepas kami meluluskan permohonan anda, anda akan diberikan ID Akses. Kemudian anda perlu memilih TPIN anda; atau
 - (c) melalui pos, dengan mengisi dan mengemukakan borang permohonan yang lengkap ke [Peti Surat 11212, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia]. Selepas kami meluluskan permohonan anda, kami akan menghantar ID Akses dan TPIN kepada anda melalui pos biasa atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh kami menurut budi bicara mutlak kami.
- 3.2 Jika anda adalah sebuah perbadanan dan mempunyai Akaun, anda boleh memohon Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB melalui cawangan di mana Akaun itu diselenggara, dengan mengisi dan mengemukakan borang permohonan yang lengkap. Selepas kami meluluskan permohonan anda, kami akan menghantar ID Akses dan TPIN kepada anda melalui pos biasa atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh kami menurut budi bicara mutlak kami.
- 3.3 Kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya ID Akses dan TPIN gagal sampai kepada anda selepas penghantaran atau didedahkan kepada mana-mana individu yang tidak dibenarkan ketika dalam perjalanan.
- 3.4 Kami boleh, mengikut budi bicara mutlak kami menolak mana-mana permohonan untuk Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB tanpa memberi sebarang sebab.
- 3.5 Jika anda mempunyai lebih daripada satu Akaun dengan kami, anda boleh meminta untuk memautkan Akaun yang layak untuk dihubungkan, sebagaimana yang ditentukan oleh kami menurut budi bicara mutlak kami dari semasa ke semasa, kepada Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB anda. Kami boleh, mengikut budi bicara mutlak kami menolak mana-mana permintaan untuk menghubungkan suatu Akaun tanpa memberi sebarang sebab.

4. Pemegang Akaun Bersama

- 4.1 Bagi Akaun bersama yang tidak memerlukan lebih daripada satu penandatanganan, Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB akan disediakan untuk setiap Pemegang Akaun.
- 4.2 Apabila suatu permohonan oleh mana-mana Pemegang Akaun bersama untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB diterima, kami akan mengeluarkan ID Akses dan/atau TPIN untuk Pemegang Akaun itu. ID akses dan TPIN yang diperuntukkan kepada salah seorang daripada Pemegang Akaun bersama hanya boleh digunakan oleh Pemegang Akaun itu.

- 4.3 Kami berhak untuk bertindak di atas sebarang Arahan daripada mana-mana Pemegang Akaun dan setiap Pemegang Akaun hendaklah secara bersejajarnya dan berasingan bertanggungjawab untuk semua Transaksi yang dibuat ke atas Akaun bersama melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.
- 4.4 Bagi Akaun bersama yang memerlukan lebih daripada satu penandatanganan, Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB tidak disediakan untuk Akaun ini.

5. ID Akses dan TPIN

- 5.1 Anda hendaklah mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan dan mencegah kehilangan, kecurian atau sebarang penggunaan tanpa kebenaran dan/atau penipuan ID Akses dan TPIN anda dan memastikan bahawa ID Akses dan TPIN hanya di dalam milikan anda dan ianya selamat sepanjang masa.
- 5.2 Anda bersetuju bahawa ID Akses dan TPIN anda adalah sulit dan mengaku janji tidak mendedahkan atau apa-apa cara menyebabkan ID Akses dan TPIN anda didedahkan atau terdedah kepada mana-mana individu (termasuk kakitangan kami) melalui panggilan telefon, e-mel atau di mana-mana laman web yang tidak diminta selain daripada laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau apa-apa cara lain. Sebarang nasihat yang dihantar kepada anda berkenaan ID Akses dan TPIN mesti dimusnahkan selepas anda membacanya.
- 5.3 Anda perlu menghafal ID Akses dan TPIN anda dan memastikan bahawa tiada rekod bertulis ke atas ID Akses dan TPIN anda disimpan di mana-mana tempat atau dengan apa-apa cara yang mungkin membolehkan pihak ketiga mengakses atau menggunakan ID Akses dan TPIN anda. Anda tidak sepatutnya menggunakan ID Akses dan TPIN yang tampak biasa, iaitu enam (6) digit terakhir nombor kad pengenalan, tarikh lahir atau telefon nombor anda, dan memastikan bahawa anda menukar ID Akses dan TPIN anda dari semasa ke semasa.
- 5.4 Anda bersetuju bahawa kegagalan mematuhi keperluan ini mungkin mendedahkan anda kepada risiko kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB untuk mengakses Akaun anda, dalam keadaan mana anda akan bertanggungjawab untuk semua Transaksi yang dilaksanakan ke atas Akaun melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, sama ada atau tidak Transaksi tersebut berada dalam pengetahuan atau kebenaran anda.
- 5.5 Jika anda mengesyaki atau menyedari bahawa -
- (a) seseorang yang tidak dibenarkan mengetahui ID Akses dan TPIN anda;
 - (b) terdapat akses yang tidak dibenarkan ke atas Akaun anda atau penggunaan ID Akses atau TPIN anda melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB; atau
 - (c) terdapat apa-apa Transaksi yang tidak dibenarkan;

anda mesti dengan serta-merta menukar ID Akses dan TPIN sedia ada atau meminta ID Akses dan TPIN baru, mana-mana satu yang terpakai. Anda mesti juga, seberapa segera yang praktikal, memberitahu kami di Pusat Hubungan kami dan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di Klausa 11.1 dan 11.2 di dalam Terma-terma dan

Syarat-syarat ini. Anda juga mesti memberi kami apa-apa maklumat yang relevan dan bantuan yang munasabah dalam menyasihat perkara tersebut.

- 5.6 Anda akan bertanggung ke atas sebarang transaksi tanpa kebenaran yang berlaku berkaitan dengan kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan ID Akses dan/atau TPIN, kecuali anda memaklumkan kepada kami berdasarkan Klausula 11.1 dan 11.2 atau anda tidak melakukan penipuan.
- 5.7 Walau apa pun peruntukan dalam Klausula 5 ini, kami boleh menyahaktifkan atau membatalkan penggunaan ID Akses dan TPIN anda pada bila-bila masa.

6. Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB

- 6.1 Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB akan disediakan selepas anda mengaktifkan ID Akses anda. Kepelbagaian Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB kami yang disediakan untuk anda boleh diubah oleh kami dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlak kami.
- 6.2 Kami boleh pada bila-bila masa:-
 - (a) mengubah waktu operasi atau tempoh masa Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB yang disediakan;
 - (b) menetapkan atau menukar cara penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB;
 - (c) menghadkan membatalkan atau menggantung operasi Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB;
 - (d) menggantung sementara operasi Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB untuk kerja-kerja mengemaskini, menaik taraf, menyelenggara atau penambahbaikan. Dalam keadaan di mana Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB tidak dapat dicapai, anda bersetuju untuk menjalankan transaksi anda di mana-mana cawangan kami atau menggunakan perkhidmatan perbankan alternatif yang disediakan kepada anda.
- 6.3 Kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB disediakan dalam tempoh masa yang ditentukan tetapi kami tidak boleh memberi jaminan bahawa ia akan disediakan dan tanpa gangguan.
- 6.4 Bagi mengelakkan keraguan, sehingga mana kami dimaklumkan mengenai kematian atau kebangkrutan anda, kami berhak menjalankan atau terus menjalankan dan melaksanakan arahan anda kepada kami menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.
- 6.5 Kami tidak bertanggung jawab kepada anda ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anda disebabkan oleh:-
 - (a) penggunaan atau ketidakupayaan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB;
 - (b) sebarang gangguan, kerosakan, penggantungan atau penamatan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB; dan
 - (c) menjalankan atau tidak menjalankan mana-mana Arahan anda.

7. Arahan

- 7.1 Semua Arahan yang diberikan atau Transaksi yang dilaksanakan melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB menggunakan ID Akses dan TPIN anda adalah tidak boleh batal dan mengikat anda.
- 7.2 Kami akan menjalankan Arahan yang diberikan oleh anda mengikut piawaian amalan perbankan kami. Jika kami menerima Arahan anda selepas satu masa tertentu atau tarikh akhir yang ditetapkan untuk sesetengah transaksi (menurut piawaian amalan perbankan kami), Arahan hanya boleh dijalankan pada Hari Perniagaan berikutnya.
- 7.3 Anda hendaklah memastikan arahan yang diberikan kepada kami adalah lengkap, tepat dan betul dan anda hendaklah bertanggungjawab untuk sebarang transaksi yang dilakukan oleh kami berdasarkan Arahan anda.
- 7.4 Kami berhak bergantung dan bertindak atas mana-mana Arahan dan tidak akan bertanggungjawab kepada anda dalam apa jua cara kerana bertindak dengan suci hati atas apa-apa Arahan sedemikian walaupun ia kemudiannya didapati bahawa ia tidak diberikan oleh anda, atau kerana apa-apa kesilapan, maklumat tidak lengkap atau salah faham kepada Arahan yang diberi.
- 7.5 Kami berhak mendebit Akaun anda dengan serta-merta setelah sempurna apa-apa Transaksi.
- 7.6 Kami boleh pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlak kami, menahan diri dari mengambil tindakan kepada apa-apa Arahan atau sebahagiannya atau enggan melaksanakan Arahan tersebut, jika:-
- (a) kami mempunyai sebarang keraguan mengenai kesahihan, kejelasan atau kesempurnaan Arahan itu;
 - (b) bentuk atau kandungan Arahan tersebut tidak selaras dengan syarat-syarat atau polisi atau amalan yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa;
 - (c) kami percaya atau mengesyaki bahawa Arahan tersebut adalah tidak dibenarkan atau terdapat penipuan;
 - (d) anda telah tidak mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau telah melanggar Terma-terma dan Syarat-syarat ini; atau
 - (e) kami anggap sesuai mengikut keadaan;
- dan kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atas sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul daripada kami menahan atau enggan bertindak.
- 7.7 Anda memberi kebenaran dan bersetuju untuk kami merakam semua Arahan dan menggunakan pita atau rakaman dan apa-apa transkrip daripadanya bagi apa-apa maksud yang kami anggap wajar termasuk digunakan sebagai bukti dalam apa-apa prosiding terhadap anda atau mana-mana orang lain. Rakaman kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada rekod pita,) untuk Arahan yang diberikan atau kononnya diberi oleh

anda hendaklah menjadi keterangan muktamad dan konklusif kandungan Arahan terhadap anda.

- 7.8 Jika anda membuat permintaan umum untuk sebarang tukaran atau kadar faedah, kami akan memberikan ini kepada anda dan anda bersetuju bahawa apa-apa kadar yang disebut adalah indikatif sahaja dan tidak mengikat kami. Hanya kadar yang berkaitan dengan Transaksi tertentu dan telah disahkan oleh kami mengikat kedua-dua pihak.

8. Transaksi dan Had

- 8.1 Sebelum memberikan apa-apa Arahan kepada kami melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB untuk melaksanakan sebarang Transaksi, anda hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun untuk melaksanakan Transaksi.
- 8.2 Anda mestilah tidak menggunakan atau cuba menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB untuk melaksanakan sebarang Transaksi, khususnya pembayaran tertentu atau pemindahan dana daripada mana-mana Akaun melainkan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun berkenaan.
- 8.3 Kami boleh menurut budi bicara mutlak kami meminta anda pada bila-bila masa untuk menetapkan suatu Had ke atas Transaksi harian anda dalam Ringgit Malaysia dan anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB untuk melaksanakan sebarang Transaksi yang melebihi Had tersebut. Had yang ditetapkan oleh anda mestilah tidak melebihi Had yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlak kami.
- 8.4 Kami boleh pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlak kami, menahan diri dari melaksanakan apa-apa transaksi sekiranya:-
- (a) terdapat suatu kesilapan, kecacatan, kegagalan atau gangguan dalam sistem kerana apa-apa sebab di luar kawalan kami atau apa jua sebab;
 - (b) terdapat suatu kesilapan di pihak kami;
 - (c) terdapat dana yang tidak mencukupi di dalam Akaun berkenaan;
 - (d) dengan melaksanakan Transaksi itu, baki di dalam Akaun akan jatuh di bawah baki minimum yang diperlukan untuk diselenggara bagi Akaun seperti yang diperuntukkan di bawah terma-terma dan syarat-syarat masing-masing yang mentadbir urus Akaun;
 - (e) suatu percubaan anda melaksanakan Transaksi yang melebihi Had.
- 8.5 Tanpa mengambilkira Klausula 8.4 di atas, kami boleh menolak untuk menjalankan apa-apa Transaksi yang dilakukan oleh anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB atas sebarang sebab yang dianggap wajar oleh kami.

9. Fi, Caj dan Hak Mendebit

- 9.1 Anda bersetuju membayar, dan membenarkan kami mendebit dari Akaun, pada bila-bila masa tanpa memberitahu anda terlebih dahulu, semua fi, caj, faedah, cukai, duti atau levi yang ditanggung berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, dan semua kos perundangan, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh kami dalam usaha untuk menguatkuasakan atau mendapatkan penguatkuasaan Terma-terma dan Syarat ini.
- 9.2 Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai atau levi sehingga takat tarikh permohonan untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB atau pada sebarang tarikh selepas permohonan untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan oleh undang-undang sedemikian (dan akan termasuk sebarang pindaan yang dilakukan ke atas undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan) yang perlu dibayar kepada mana-mana badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh kami atau perkhidmatan yang disediakan berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.
- 9.3 Mana-mana cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB dan mana-mana barangan atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB akan ditanggung oleh dan dicaj kepada anda dan sekiranya kami akan melaksanakan sebarang pembayaran, anda hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami jumlah yang dibayar sedemikian.
- 9.4 Anda mesti membayar fi dan/atau caj yang dikenakan pada bila-bila masa oleh kami atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami untuk penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB dan fi serta caj tersebut boleh dipinda dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada caj untuk pemindahan dana dan lain-lain fi serta caj sedemikian yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini. Kadar semasa mengenai fi dan caj akan disediakan kepada anda di mana-mana cawangan kami, laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau atas permintaan anda.

10. Transaksi Menyalahi Undang-undang

- 10.1 Anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB telah digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, kami boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami anggap sesuai dalam usaha kami untuk memenuhi apa-apa kewajipan atau kehendak di Malaysia atau di tempat lain di dunia berkaitan dengan pencegahan atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti keganasan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan mana-mana sekatan ekonomi atau perdagangan. Kami boleh mengambil tindakan termasuk penggantungan serta-merta atau menamatkan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB,

membuat laporan dan mengambil apa-apa tindakan yang sesuai sebagaimana yang kami boleh putuskan menurut budi bicara mutlak kami.

11. Liabiliti Anda Kerana Kehilangan, Kecurian atau Pendedahan ID Akses dan TPIN anda kepada Mana-mana Orang atau Penggunaan Tanpa Kebenaran Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB

11.1 Anda bersetuju dan mengaku janji mengambil semua penjagaan dan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau pendedahan ID Akses dan TPIN anda atau penggunaan tanpa kebenaran Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB dan sekiranya mana-mana kejadian tersebut berlaku, anda mesti dengan seberapa segera yang secara amalnya adalah munasabah memberitahu kami di Pusat Hubungan kami atau mana-mana cawangan kami. Anda memahami bahawa kegagalan untuk mengambil penjagaan dan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi ID Akses dan TPIN anda boleh mendedahkan anda kepada akibat kehilangan, kecurian dan/atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB tanpa kebenaran.

11.2 Anda mesti menyusuli pemberitahuan anda dalam Klausa 11.1 dengan suatu pengesahan bertulis dan mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh kami termasuk tetapi tidak terhad kepada satu salinan laporan polis yang difailkan berkaitan dengan kehilangan, kecurian atau pendedahan ID Akses dan TPIN anda dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kehilangan/kecurian dan/atau pendedahan.

11.3 Semua caj yang timbul daripada Transaksi yang dilaksanakan ke atas Akaun, sama ada dibenarkan atau tidak, dianggap telah dibuat oleh anda. Anda akan terus bertanggungjawab ke atas semua Transaksi yang dilakukan ke atas Akaun dan semua caj berkaitan Transaksi tersebut kecuali:

(a) anda melaporkan sebarang kehilangan, kecurian, pendedahan atau penggunaan tanpa kebenaran ID Akses dan TPIN dan/atau Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB seberapa segera yang secara amalnya adalah munasabah kepada Pusat Hubungan atau kepada mana-mana cawangan kami setelah menyedari kehilangan atau kecurian atau penggunaan tidak dibenarkan, masing-masing;

(b) anda tidak melakukan penipuan;

(c) anda tidak sengaja mendedahkan ID Akses dan TPIN kepada mana-mana orang, sama ada melalui panggilan telefon atau e-mel tanpa diminta atau mana-mana laman web selain daripada laman web rasmi kami atau sebaliknya;

(d) anda telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyimpan ID Akses dan TPIN dengan selamat pada setiap masa;

dan rekod kami ke atas Transaksi yang dilaksanakan ke atas Akaun melalui Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB adalah muktamad dan mengikat anda.

11.4 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, anda akan terus bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan ID Akses dan TPIN yang telah hilang atau dicuri, termasuk transaksi yang telah dilakukan tetapi belum

dimasukkan ke dalam Akaun, dan mana-mana arahan tetap sedia ada yang dibuat oleh anda untuk membuat pembayaran kepada mana-mana pihak ketiga yang lain.

12. Penafian

12.1 Dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, anda mengakui dan bersetuju:-

- (a) untuk menerima risiko berkaitan dengan menjalankan Transaksi melalui telefon atau telefon mudah alih atau Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB; dan
- (b) bahawa kami tidak membuat sebarang representasi atau waranti nyata atau tersirat berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

12.2 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang terpakai, tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan lain di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini, kami (serta mana-mana pengarah, pegawai dan kakitangan kami) tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan, kerugian, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada, atau berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, atau penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB anda, atau berkaitan dengan apa-apa kesilapan, peninggalan, kecacatan atau kegagalan sistem.

12.3 Tanpa membataskan keluasan makna Klausula 12.2 di atas, kami tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau rasa malu yang ditanggung atau dialami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga oleh sebab dari atau timbul daripada:-

- (a) kegagalan anda untuk menyediakan arahan tepat, lengkap dan tepat pada masanya kepada kami di bawah Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB atau kegagalan anda untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (b) ketidakupayaan anda untuk melaksanakan sebarang Transaksi akibat had yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak kami;
- (c) ketidakcukupan dana dalam mana-mana Akaun anda;
- (d) sebarang kerosakan atau kepincangan fungsi mana-mana sistem yang digunakan berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, sama ada kepunyaan kami atau sebaliknya, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana sistem, peranti telekomunikasi, sambungan, elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem komunikasi lain; atau
- (e) kegagalan anda untuk mematuhi arahan, prosedur dan petunjuk terkini bagi penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

13. Tanggung Rugi

13.1 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai, anda hendaklah melindungi kami dan semua pembantu, pekerja, penama, pengarah dan ejen bagi semua kehilangan, kos, kerugian, malu, tuntutan dan perbelanjaan, termasuk fi dan kos guaman (berasaskan suatu tanggung rugi), walau bagaimana sekalipun dialami atau ditanggung oleh kami (selain daripada apa-apa kerugian, kos atau kerosakan yang berbangkit daripada salah laku yang disengajakan oleh pekerja dan ejen kami) termasuk, tidak terhad:-

- (a) kami bertindak atau menjalankan atau enggan untuk bertindak atas apa-apa Arahan atau sebahagiannya yang dikatakan diberikan kepada kami menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini, sama ada atau tidak Arahan itu adalah tanpa kebenaran, tidak tepat atau tidak lengkap;
- (b) berhubung dengan pemeliharaan atau menguatkuasakan hak kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau akibat daripada mana-mana ketidakpatuhan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau terma-terma dan syarat-syarat lain oleh anda;
- (c) berhubung dengan apa-apa tindakan diambil oleh mana-mana pihak terhadap anda atau mana-mana Transaksi atau mana-mana Akaun bagi apa-apa sebab pun termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB atau Akaun yang menyalahi undang-undang, tipuan, cuai atau tanpa izin;
- (d) berhubung dengan mana-mana penglibatan kami dalam apa-apa prosiding dalam sebarang bentuk sekalipun untuk perlindungan atau berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB atau Akaun atau Transaksi;
- (e) berhubung dengan pematuhan kami dengan mana-mana undang-undang yang sedia ada atau masa hadapan atau peraturan atau arahan rasmi berhubung dengan mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
- (f) timbul daripada atau berkaitan dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini; dan
- (g) timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana undang-undang cukai atau peraturan dari mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

14. Penamatan

- 14.1 Kami boleh, menurut budi bicara penuh dan mutlak kami, dengan notis terdahulu, menyekat, menggantung atau menamatkan akses anda ke Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB atau mana-mana bahagian perkhidmatan ini, tanpa mempunyai tanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab untuknya.
- 14.2 Kami boleh, menurut budi bicara penuh dan mutlak kami, menggantung atau menamatkan akses anda ke Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB jika:-
- (a) anda telah berhenti mengekalkan sebarang Akaun dengan kami; atau
 - (b) anda telah gagal untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB untuk suatu tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh kami menurut budi bicara mutlak kami.
- 14.3 Anda boleh menamatkan akses Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB pada bila-bila masa dengan mengisi borang yang disediakan oleh kami di mana-mana cawangan kami dan menyerahkan borang yang lengkap ke mana-mana cawangan kami atau melalui pos kepada Peti Surat 11211, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia.
- 14.4 Semasa penyerahan notis bertulis untuk menamatkan akses anda ke Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, anda akan terus bertanggungjawab ke atas sebarang Transaksi (sama ada sebelum atau selepas penamatan akses anda kepada Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB), termasuk Transaksi yang dilakukan tetapi belum dimasukkan ke dalam Akaun dan sebarang arahan tetap sedia ada yang dibuat oleh anda untuk melaksanakan bayaran kepada suatu Syarikat Penerima Bayaran atau mana-mana

pihak ketiga yang lain. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk membatalkan sebarang arahan yang sedia ada sebelum atau apabila menamatkan akses anda ke Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

15. Permintaan Maklumat

15.1 Anda mesti memberikan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh kami, apa-apa maklumat, penyata dan penjelasan yang berhubungan dengan Akaun dan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB yang kami anggap perlu untuk:-

- (a) mematuhi undang-undang atau sekatan Malaysia atau mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad yang berkaitan dengan pengubahan wang haram atau anti-keganasan); dan/atau
- (b) mengurus risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sekatan ekonomi dan perdagangan.

15.2 Sementara menunggu kami menerima maklumat daripada anda dan sehingga kami mengesahkan maklumat yang memuaskan kami, kami tidak bertanggungjawab untuk meneruskan apa-apa Transaksi atau untuk menyediakan anda dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

15.3 Anda mengisytiharkan dan bersetuju kepada kami bahawa pemrosesan sebarang Transaksi tidak akan melanggar mana-mana undang-undang atau sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk memproses sebarang Transaksi disebabkan oleh kekurangan maklumat dan dokumen yang diberikan oleh anda.

16. Pendedahan

16.1 Anda bersetuju dan membenarkan bahawa kami (termasuk pegawai, pekerja, ejen atau mana-mana orang lain yang kami berikan akses kepada rekod kami, surat-menyurat atau sebarang bahan berkaitan dengan anda atau penggunaan anda bagi Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB) boleh mendedahkan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak kami tanpa memberitahu anda, apa-apa maklumat berkaitan dengan anda atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB anda, kepada orang-orang berikut:-

- (a) mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan, bagi mana-mana tujuan berikut:-
 - (i) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan;
 - (ii) pelaporan;
 - (iii) pepadanan data;
 - (iv) memperbaiki dan melanjutkan pemberian perkhidmatan-perkhidmatan lain oleh kami kepada anda;
 - (v) penipuan atau pencegahan jenayah;
 - (vi) menyasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan jenayah;
 - (vii) kutipan hutang;
 - (viii) penyumberan luar operasi kami;

- (ix) melaksanakan tugas-tugas sebagai pegawai kami atau berkaitan dengan pengendalian audit atau pelaksanaan pengurusan risiko;
 - (x) memudahkan pelaksanaan kami atau fungsi mana-mana ahli-ahli Kumpulan;
 - (xi) pematuhan kepada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;
 - (xii) pelaksanaan korporat;
 - (xiii) apa-apa proses undang-undang yang dimulakan oleh atau disampaikan kepada kami;
- (b) mana-mana peniaga atau pertubuhan yang menerima kad debit, kad kredit, mana-mana bank atau institusi kewangan lain, VISA International Service Association/MASTERCARD International Inc atau penggantinya, mana-mana ahli VISA International Service Association dan/atau MASTERCARD CARD International Inc dan/atau mana-mana pihak yang berminat untuk memudahkan penggunaan kad kredit atau pemprosesan sebarang transaksi yang terjejas atau penyiasatan apa jua bentuk yang akan dibuat;
 - (c) mana-mana orang bagi atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan kembali wang yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh anda kepada kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini;
 - (d) mana-mana orang, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau lain-lainnya kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyelenggara dan menaik taraf perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
 - (e) kepada mana-mana orang, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang kami lantik bagi maksud melaksanakan atau berhubung dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumber luarkan;
 - (f) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
 - (g) syarikat-syarikat kad kredit dan institusi kewangan berhubung dengan pertanyaan kad kredit;
 - (h) kepada bank-bank, institusi kewangan lain, biro kredit atau agen rujukan kredit (hanya untuk maklumat kredit);
 - (i) juru audit, peguam, dan penasihat professional kami;
 - (j) pencetak tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan orang-orang yang memasang dan menyelenggaranya dan lain-lain pembekal barangan atau perkhidmatan yang kami terlibat;
 - (k) mana-mana biro kredit di mana kami adalah ahli, dan mana-mana ahli dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit tersebut;
 - (l) mana-mana agensi penarafan, rakan sekutu perniagaan, penanggung insurans atau broker insurans atau pembekal langsung atau tidak langsung perlindungan kredit;
 - (m) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau sub-peserta berhubung dengan mana-mana obligasi kami di bawah perjanjian perbankan di antara anda dan kami, atau pemegang serah hak, penerima novasi atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau penasihat) mana-mana daripada mereka;
 - (n) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproses dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui mesin juruwang automatik bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan atau terminal atau mesin kendalian kad atau peranti lain yang kami luluskan, kepada bank, institusi kewangan atau institusi bukan

- keuangan, peniaga atau pihak lain yang menerima penggunaan kad dan ejen atau kontraktor mereka masing-masing;
- (o) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
 - (p) mana-mana orang yang kepadanya kami atau mana-mana ahli Kumpulan dibenarkan atau dikehendaki untuk mendedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara;
 - (q) mana-mana orang lain yang kepadanya pendedahan tersebut dianggap oleh kami adalah untuk kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak terpakai kepada pakatan strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi); dan
 - (r) mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah Tema-terma dan Syarat-syarat ini.

16.2 Klausula 16.1 akan terus bertahan setelah penamatan Tema-terma dan Syarat-syarat.

17. Pematuhan Perintah Mahkamah

Kami dan Kumpulan boleh bertindak dengan apa jua cara yang kami rasakan sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami disampaikan dengan suatu perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh suatu mahkamah dari mana-mana bidangkuasa. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan menahan kami sebagai bertanggung ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan berikutan tindakan kami.

18. Perlindungan Data

18.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my) dan klausa-klausa di dalam Tema-terma dan Syarat-syarat ini yang berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai dirangkumkan dengan merujuk ke dalam Tema-terma dan Syarat-syarat ini.

18.2 Anda bersetuju dan membenarkan bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, perubahan atau pemadaman.

18.3 Sekiranya anda memberi Data Peribadi yang berkaitan kepada pihak ketiga, termasuk data yang berkaitan dengan ahli keluarga terdekat dan tanggungan anda, bagi maksud pembukaan atau operasi Perkhidmatan Telefon Perbankan UOB dengan kami ataupun sebaliknya melangani produk dan perkhidmatan kami, anda:

- (a) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan data ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya selaras dengan Tema-terma dan Syarat-syarat ini;
- (b) mengakujaji bahawa anda telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut untuk membaca Notis Privasi di laman web kami di www.uob.com.my;

- (c) telah memaklumkan kepada pihak ketiga tersebut: -
 - (i) bahawa kami boleh mengumpul atau mengesahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
 - (ii) bahawa kami boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas-kelas pihak ketiga yang dinyatakan di dalam Notis Privasi kami;
 - (d) bersetuju untuk memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - (e) bersetuju untuk mengemas kini kami secara bertulis sekiranya berlaku apa-apa perubahan ketara kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - (f) bersetuju akan hak kami untuk menamatkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini sekiranya persetujuan itu ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
- 18.4 Di mana anda mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), perincian berkaitan dengan transaksi merentas sempadan itu (termasuk data yang berkaitan dengan mereka yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia luar negara dan pihak berkuasa yang berkaitan dengan kewajipannya yang sah (contohnya pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/ atau ejen-ejen kami untuk membuat apa-apa transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju kepada pendedahan yang tersebut di atas bagi pihak diri anda sendiri dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 18.5 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada kami dan Kumpulan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, dan pedagang dan rakan kongsi strategik kami boleh menghubungi anda tentang produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin menarik anda atau memberi manfaat kepada anda dari segi kewangan. Walau apa pun yang tersebut di atas, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubungan dengan hal ehwal anda atau Perkhidmatan Telefon Perbankan UOB) dengan pedagang dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda telah diperolehi terlebih dahulu.
- 18.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan-bahan pemasaran langsung dari kami dan Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia (atau alamat lain yang diberitahu oleh kami) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis anda kepada kami yang terkini.
- 18.7 Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web kami mengandungi maklumat piawai mengenai produk dan perkhidmatan kami yang lain yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, operasi Perkhidmatan Telefon Perbankan UOB dan/atau kemudahan dengan kami, dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- 18.8 Anda berhak untuk meminta secara bertulis:

- (a) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi anda yang kami pegang atau simpan, apabila dibayar fi yang ditetapkan;
- (b) untuk apa-apa maklumat yang kami pegang atau simpan untuk dikemaskini, dipinda dan/atau diperbetulkan;
- (c) untuk kami menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang kami pegang atau simpan; dan
- (d) untuk membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan kami terhadap Data Peribadi anda.

Untuk permintaan di bawah (a) atau (b), anda boleh membuat permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Akses Data atau Borang Permintaan Pembetulan Data kami, masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my.

Anda boleh mengarahkan semua permintaan anda ke mana-mana cawangan atau 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Pusat Hubungan UOB, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur, Malaysia'.

Kami boleh mengenakan suatu fi untuk memproses permintaan anda untuk akses atau pembetulan. Kami juga boleh enggan mematuhi permintaan anda berkenaan dengan (a) atau (b) jika maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak mencukupi (seperti yang ditentukan oleh kami) atau di mana permintaan itu boleh melanggar atau melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap tidak mempunyai kepentingan bagi kami berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan itu, kami akan memberitahu anda keengganan kami dan sebab keengganan kami.

- 18.9 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan maklumat tersebut disimpan hingga terkini.
- 18.10 Ambil perhatian bahawa jika anda kemudiannya menarik balik kebenaran anda untuk memproses Data Peribadi anda sebagaimana diberikan terlebih dahulu kepada kami, kami tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berhubung dengan tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi, kami akan berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan apa-apa produk, perkhidmatan, Perkhidmatan Telefon Perbankan UOB dan/atau kemudahan-kemudahan yang dihubungkan dengan Data Peribadi tersebut.
- 18.11 Kami berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami dan akan memberi notis terlebih dahulu kepada anda secara bertulis dan meletakkan apa-apa pindaan tersebut pada laman web kami atau dengan meletakkan notis di ruang perbankan atau di tempat yang menonjol dalam cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang kami anggap sesuai.
- 18.12 Klausa ini hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa klausa lain di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang memperuntukkan berkenaan pendedahan data.

19. Pindaan Terma-terma dan Syarat-syarat ini

- 19.1 Kami boleh, pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlak kami, mengubah, menambah, memotong atau meminda Terma-terma dan Syarat-syarat ini berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB, fi atau caj atau caj pengendalian ini dengan memberi anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, sama ada melalui penyata akaun anda atau dengan cara mempamerkannya di laman web rasmi kami di www.uob.com.my atau apa-apa cara lain yang kami pilih.
- 19.2 Jika anda tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, anda perlu membatalkan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan, jika tidak, anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan perubahan tersebut dan perubahan tersebut akan mengikat anda.
- 19.3 Kami boleh pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlak kami, meminda, mengubahsuai, menyemak, menyekat, menambah, menggantung, membatalkan atau menarik balik semua atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB dengan memberikan notis bertulis kepada anda.

20. Notis dan Komunikasi

- 20.1 Kami boleh menurut budi bicara mutlak kami menyampaikan sebarang nasihat, notis atau komunikasi kepada anda dengan apa-apa cara yang berikut, melalui:-
- (a) mel elektronik kepada alamat e-mel anda yang terakhir diketahui dalam rekod kami;
 - (b) pos (berdaftar, AR berdaftar, biasa atau sebaliknya) atau dihantar dengan tangan atau ditinggalkan di alamat anda yang terakhir diketahui dalam rekod kami;
 - (c) memaparkan notis di mana-mana cawangan kami;
 - (d) menghantar notis atau komunikasi tersebut di laman web rasmi kami di www.uob.com.my;
 - (e) cara pengiklanan atau notis am dalam akhbar harian;
 - (f) siaran radio atau televisyen atau sebarang media komunikasi;
 - (g) faksimili ke nombor faksimili anda yang terakhir diketahui dalam rekod kami;
 - (h) SMS ke nombor telefon bimbit berdaftar yang terakhir diketahui dalam rekod kami.
- 20.2 Notis atau komunikasi akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia dihantar, pada hari berikutnya selepas kiriman tersebut atau pada hari paparan, penerbitan atau siaran tersebut telah dibuat.
- 20.3 Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa yang mungkin berlaku kepada notis atau komunikasi selepas mereka dihantar, contoh jika apa-apa notis atau komunikasi ditangguhkan, dipintas, hilang, gagal sampai atau didedahkan kepada mana-mana orang semasa transit.
- 20.4 Perubahan butir-butir peribadi:-

- (a) Anda bersetuju memberitahu kami dengan serta-merta mengenai sebarang pertukaran alamat surat-menyurat/mel atau kediaman anda dan maklumat perhubungan anda ("Maklumat").
- (b) Jika anda tidak memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda, anda bersetuju bahawa kami berhak atas budi bicara mutlak kami, bergantung kepada:-
 - (i) mana-mana alamat dan/atau maklumat perhubungan yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam rekod kami; atau
 - (ii) mana-mana alamat dan/atau maklumat perhubungan yang kami peroleh daripada mana-mana komunikasi yang dikatakan dikeluarkan daripada anda kepada kami.
- (c) Apa-apa kegagalan oleh anda untuk memberitahu kami tentang perubahan maklumat mengakibatkan kelewatan atau ketidaksampaian sebarang penyata akaun, ePenyata, surat-menyurat dan/atau notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

21. Penyimpanan Rekod Anda

- 21.1 Anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab untuk mengekalkan mana-mana rekod anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada borang permohonan, dokumen Transaksi, penyata akaun, surat-menyurat atau dokumen-dokumen yang diberikan kepada kami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga lain, melebihi tempoh penyimpanan sebagaimana yang ditetapkan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan/atau seperti diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan dari mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

22. Penyampaian Proses Perundangan

- 22.1 Sebagai tambahan kepada dan bukan sebagai gantian cara penyampaian yang boleh dibenarkan atau ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu, mana-mana penyampaian Proses Perundangan oleh atau bagi pihak kami boleh dilaksanakan ke atas anda:
- (a) dengan meninggalkan satu salinan di alamat seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam mana-mana komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kepada kami dan ia hendaklah disifatkan telah diterima oleh anda pada hari ia ditinggalkan di alamat itu; atau
 - (b) dengan menghantar satu salinan melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa kepada alamat seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam mana-mana komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kepada kami dan ia disifatkan telah diterima oleh anda pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia diposkan, sekalipun jika ia gagal dihantar atau ia dikembalikan.

23. Hal Keadaan Luar Kawalan Kami

- 23.1 Jika kami tidak dapat melaksanakan mana-mana obligasi kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini, atau menjalankan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan akibat daripada sebarang sebab di luar kawalan kami, termasuklah –
- (a) kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam, kemalangan, rusuhan, kekacauan awam, pertikaian perindustrian, tindakan keganasan, embargo, peperangan, bencana;
 - (b) apa-apa kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, internet, elektrik, air, bahan api; atau
 - (c) sebarang keadaan dalam bentuk *force majeure* (suatu kejadian di luar jangkaan yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini),

kami tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan prestasi atau untuk apa-apa kesulitan, kehilangan, kecederaan, dan kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh anda secara langsung atau tidak langsung kesannya.

24. Penepian

- 24.1 Kegagalan menjalankan, atau kelewatan dalam menjalankan, apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi oleh kami tidak boleh dianggap sebagai suatu penepian, dan begitu juga tidak akan menjalankan satu atau sebahagian daripada mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang lain. Hak dan remedi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah kumulatif dan tidak mengecualikan sebarang hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.

25. Kebolehasingan

- 25.1 Ketidaksahan atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana peruntukan tidak akan menjejaskan niat yang mendasari Terma-terma dan Syarat-syarat ini, dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan akan diasingkan, dan tidak akan menjejaskan kesahan dan kebolekuatkuasaan terma-terma dan peruntukan-peruntukan lain yang akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya.

26. Pemeliharaan Hak dan Kelayakan

- 26.1 Hak dan kelayakan kami di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan akan terus bertahan dari sebarang pembatalan, pemansuhan atau penggantungan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Telefon UOB.

27. Perubahan Perlembagaan

- 27.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan, walaupun terdapat perubahan kepada perlembagaan kami atau setelah anda meninggalkan dunia.

28. Penyerahakan

28.1 Kami boleh pada bila-bila masa dan tanpa persetujuan anda memberikan semua atau mana-mana hak, hakmilik dan faedah di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan mana-mana orang atau perbadanan. Anda tidak boleh menyerahak sebarang hak-hak dan obligasi anda di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

29. Undang-undang

29.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan ditadbir urus oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan anda secara tidak boleh batal –

- (a) mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia;
- (b) mengetepikan apa-apa bantahan atas alasan tempat atau forum bebas kemudahan atau apa-apa alasan yang serupa; dan
- (c) membenarkan penyampaian Proses Perundangan dalam apa jua cara yang dibenarkan oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan/atau mana-mana undang-undang berkaitan.

30. Resolusi Pertikaian

30.1 Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan atau pertikaian, sila nyatakan sifat aduan atau pertikaian anda dan rujuk perkara tersebut kepada:-

Pusat Hubungan UOB
Peti Surat 11212
50738 Kuala Lumpur
Malaysia

E-mel : uobcustomerservice@uob.com.my

Tel : + 603 - 26128 121 (Kuala Lumpur)
: + 604 – 2401 121 (Penang)
: + 607 – 2881 121 (Johor)
:+ 6082 – 287 121 (Kuching)
:+ 6088 – 477 121 (Kota Kinabalu)